



UNDANG-UNDANG NEGERI KELANTAN

Enakmen 18

**ENAKMEN PEMAJUAN PERTANIAN NEGERI
KELANTAN 2022**

Tarikh Persetujuan Diraja	17 Januari 2023
Tarikh diterbitkan dalam <i>Warta</i>	23 Februari 2023

Enakmen 18

ENAKMEN PEMAJUAN PERTANIAN NEGERI KELANTAN
2022

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Enakmen hendaklah dibaca bersama-sama dengan undang-undang lain
4. Pemakaian

BAHAGIAN II
KAWALAN PEMAJUAN TANAH PERTANIAN

5. Pengisytiharan Kawasan Pemajuan Pertanian
6. Tanggungjawab tuan punya memajukan tanah pertanian komersil, dll.
7. Syarat berkanun pemajuan tanah pertanian komersil
8. Pengemukaan laporan kesesuaian tanah untuk aktiviti pertanian
9. Kuasa Pentadbir Tanah
10. Pemajuan tanah pertanian hendaklah dibuat mengikut kaedah penanaman yang sempurna

Seksyen

11. Kumpulan Wang Pemajuan Pertanian
12. Hak tanah berjiran
13. Pemindahan hasil pertanian dari tanah pertanian komersil, dll., hendaklah di bawah permit
14. Pusat Pengumpulan Setempat Hasil Pertanian
15. Permit tidak berupaya dipindah milik atau diserahkan hak atas kematian

**BAHAGIAN III
KUASA YANG BERHUBUNGAN DENGAN
PENGUATKUASAAN, PENYIASATAN, DSB**

16. Pelantikan pegawai diberi kuasa
17. Kuasa penyiasatan
18. Kad kuasa
19. Perkara yang berkaitan dengan siasatan
20. Kebolehterimaan pernyataan sebagai keterangan

**BAHAGIAN IV
AM**

21. Kuasa untuk membuat peraturan
22. Perwakilan kuasa Pihak Berkuasa Negeri kepada Setiausaha Kerajaan Negeri, dll.
23. Penalti am

Seksyen

24. Pengkompaunan kesalahan
25. Pemulaan dan penjalanan pendakwaan
26. Perisytiharan palsu

Enakmen 18

ENAKMEN PEMAJUAN PERTANIAN NEGERI KELANTAN
2022

SAYA BERSETUJU

(MOHOR KERAJAAN)

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SULTAN MUHAMMAD V
SULTAN KELANTAN

Suatu Enakmen untuk mengadakan peruntukan berkenaan dengan pemajuan pertanian di Negeri Kelantan dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

[]

DIPERBUAT UNDANG-UNDANG INI oleh Badan Undangan Negeri Kelantan seperti yang berikut:

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Pemajuan Pertanian Negeri Kelantan 2022 dan hendaklah terpakai di seluruh Negeri Kelantan.

(2) Enakmen ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ianya disiarkan dalam *Warta*.

Tafsiran

2. (1) Dalam Enakmen ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“badan yang kompeten” ertinya apabila dipakai berhubung dengan apa-apa perakuan atau laporan, ertinya mana-mana jabatan kerajaan atau agensi yang dilantik ataupun badan swasta yang berdaftar dengan badan professional yang diperaku oleh Pihak Berkuasa Negeri sebagai pihak yang layak menyediakan perakuan dan laporan bagi cadangan pemajuan mengikut kaedah-kaedah penanaman yang sempurna;

“ditetapkan” ertinya ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri di bawah Enakmen ini dan Kaedah-Kaedah yang dibuat di bawah Enakmen ini;

“hasil pertanian” ertinya —

- (a) apa-apa hasil pertanian atau tumbuhan, sama ada diproses atau sebaliknya; dan
- (b) apa-apa hasil lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri,

dan hendaklah termasuk apa-apa jenis tanaman makanan, tanaman industri, tanaman eksotik, atau tanaman untuk perubatan;

“Kawasan Pemajuan Pertanian” ertinya kawasan yang diwartakan di bawah seksyen 5 Enakmen ini;

“kerja tanah” termasuklah apa – apa perbuatan mengorek, merata, menimbus dengan apa-apa bahan, atau menebang pokok atas mana-mana tanah, atau apa-apa perbuatan lain yang menyentuh atau mengganggu mana-mana tanah;

“pemajuan” ertinya menjalankan apa-apa kerja tanah tanah, kerja kejuruteraan, aktiviti pertanian atau apa-apa kerja lain yang seumpamanya di atas, di permukaan atau di bawah tanah dan memajukan hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya;

“pemasaran” ertinya menjual, membeli, menyimpan, menstor, mengangkut, memproses, mengilang, membersihkan, menggedkan, membungkus, mengiklan dan memajukan;

“pemindahan hasil pertanian” ertinya aktiviti mengeluarkan dan memindahkan hasil pertanian ke luar sempadan mana-mana tanah;

“Pengarah Negeri” ertinya Pengarah Tanah dan Galian bagi Negeri Kelantan yang dilantik di bawah seksyen 12 Kanun Tanah Negara 1965 [*Akta 828*], dan termasuklah seorang Timbalan Pengarah Tanah dan Galian yang dilantik di bawahnya;

“pengusaha” ertinya orang persendirian, syarikat atau kumpulan badan yang mengusahakan keseluruhan atau sebahagian tanah pertanian sama ada tuan punya tanah, pemegang pajakan atau penyewa;

“Pentadbir Tanah” mempunyai erti yang diberi kepadanya oleh Kanun Tanah Negara 1965;

“permit” ertinya apa – apa permit yang dikeluarkan di bawah Enakmen ini termasuklah permit untuk memindahkan hasil pertanian;

“pertanian” termasuklah penanaman apa-apa tanaman (termasuk pokok-pokok yang ditanam bagi maksud mendapatkan hasilnya), berkebun sayur dan pembiakan serta pemeliharaan lebah;

“Pihak Berkuasa Negeri” mempunyai erti yang diberikan kepadanya oleh Kanun Tanah Negara 1965;

“sara diri” ertinya aktiviti pertanian bagi tujuan menyara keluarga iaitu transaksi perdagangan di tahap sara diri, bukan jenis perdagangan yang secara besar-besaran yang ditetapkan;

“Setiausaha Kerajaan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya oleh Perkara 13 Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan;

“syarat” ertinya syarat tersurat, atau syarat tersirat yang dikenakan di bawah Kanun Tanah Negara 1965 bagi mana-mana tanah beri milik;

“tanah” termasuklah —

(a) permukaan bumi dan segala benda yang menjadi permukaan bumi tersebut;

- (b) bumi di bawah permukaan bumi dan segala benda di dalamnya;
- (c) segala tumbuh-tumbuhan dan lain-lain keluaran semulajadi, sama ada atau tidak memerlukan penggunaan buruh secara berkala untuk pengeluarannya, sama ada di atas atau di bawah permukaan bumi;
- (d) segala benda yang bercantum kepada bumi atau yang terpasang dengan kekal kepada apa-apa benda yang bercantum kepada bumi, sama ada di atas atau di bawah permukaan bumi; dan
- (e) tanah yang diliputi air;

“tanah berjiran” ertinya —

- (a) tanah yang bersempadan dengan tanah yang berhubungan dengan sesuatu permohonan di bawah seksyen 6;
- (b) tanah yang dipisahkan dari tanah yang berhubungan dengan sesuatu permohonan yang dibuat di bawah seksyen ini oleh mana-mana jalan, lorong, parit atau tanah rizab yang lebarnya tidak melebihi 20 meter dan yang akan bersempadan dengan tanah yang berhubungan dengan permohonan itu jika tidak kerana dipisahkan oleh jalan, lorong, parit atau tanah rizab itu.

“tanah ladang” mempunyai erti yang diberikan kepadanya oleh subseksyen 214A (11) dan (12) Kanun Tanah Negara 1965;

“tanah pertanian” ertinya tanah tertakluk kepada kategori “pertanian”;

“tanah pertanian komersil” ertinya mana-mana tanah kategori pertanian yang terletak dalam Kawasan Pemajuan Pertanian dan juga mana-mana tanah yang dilaksanakan di atasnya aktiviti pertanian bagi tujuan perdagangan yang ditetapkan mengikut nilai, kuantiti, jenis hasil pertanian dan keluasan bertanam;

“tarikh yang relevan” ertinya tarikh bilamana tanah itu menjadi tertakluk kepada kategori “pertanian” atau apa-apa tarikh yang diendorskan di bawah seksyen 107 Kanun Tanah Negara, atau dalam keadaan ketika penyatuannya dengan tanah lain yang sedia tertakluk sedemikian, tarikh dokumen hak milik daftaran kepada kawasan yang disatukan itu pertama kalinya didaftarkan;

“tumbuhan” termasuklah —

- (a) apa – apa spesies tumbuhan atau apa – apa bahagian daripadanya sama ada hidup atau mati dan termasuklah batang dahan, ubi bebawang, umbisi, pokok penanti, kayu mata tunas, keratin, tut keratin tunas pelepas, akar, daun, bunga, buah, biji atau apa – apa jua bahagian atau keluaran lain dari sesuatu tumbuhan itu sama ada terputus atau tercantum; dan
- (b) apa – apa bahagian atau terbitan tumbuhan yang mudah dikenali;

“Warta” ertinya Warta Kerajaan Negeri Kelantan;

(2) Bagi mengelakkan keraguan, tiada apa-apa jua dalam Enakmen ini boleh ditafsirkan sebagai mengurangkan atau menghadkan bidang kuasa, kuasa dan fungsi Pihak Berkuasa Negeri Kelantan berhubung dengan perkara-perkara tanah dan kerajaan tempatan.

Pemakaian

3. (1) Enakmen ini hendaklah terpakai kepada semua tanah pertanian komersil di Negeri Kelantan.

(2) Pihak Berkuasa Negeri boleh dari semasa ke semasa mengecualikan pemakaian Enakmen ini ke atas mana-mana tanah yang tertakluk kepada subseksyen (1).

Enakmen hendaklah dibaca bersama-sama dengan undang-undang lain

4. (1) Enakmen ini hendaklah dibaca bersama dengan undang-undang lain yang berhubungan dengan tanah dan pertanian.

(2) Peruntukan Enakmen ini hendaklah menjadi tambahan kepada, dan tidak mengurangkan, peruntukan dalam mana-mana undang-undang lain yang berkuat kuasa pada masa ini, yang berhubungan tanah dan pertanian, kecuali perkara yang termasuk di bawah peruntukan Enakmen ini.

BAHAGIAN II KAWALAN PEMAJUAN TANAH PERTANIAN

Pengisytiharan Kawasan Pemajuan Pertanian

5. Pihak Berkuasa Negeri boleh, melalui pemberitahuan di dalam Warta, mengisytiharkan mana-mana kawasan dalam negeri ini menjadi Kawasan Pemajuan Pertanian bagi maksud Enakmen ini.

Tanggungjawab tuan punya memajukan tanah pertanian komersil, dll.

6. (1) Tanpa menjejaskan peruntukan Kanun Tanah Negara 1965, dan tertakluk kepada peruntukan seksyen 8, adalah menjadi kewajipan tuan punya mana-mana tanah pertanian komersil untuk memajukan tanah yang berkenaan dalam tempoh satu hingga tiga tahun dari tarikh yang relevan.

(2) Kerja pembersihan, penanaman, penyemaian, pembajaan dan penuaian atau apa – apa aktiviti pertanian lain hendaklah dimulakan dalam tempoh satu tahun dari tarikh yang relevan.

(3) Dalam kes mana-mana syarat yang kepadanya seksyen ini terpakai Pihak Berkuasa Negeri bolehlah sama ada sebelum atau selepas tamatnya tempoh yang ditetapkan dalam subseksyen (1) dan (2) membenarkan apa-apa tempoh tambahan untuk melakukan perbuatan itu sebagaimana yang difikirkan sesuai dan syarat itu hendaklah selepas itu mempunyai kuat kuasa seolah-olah ia menghendaki perbuatan itu dilakukan dalam tempoh itu pada mulanya.

(4) Kegagalan mana-mana tuan punya tanah mematuhi peruntukan-peruntukan seksyen ini adalah melakukan kesalahan.

(5) Sabitan di bawah seksyen ini tidaklah ditafsirkan sebagai satu penepian kepada apa-apa pelanggaran syarat tanah di bawah Kanun Tanah Negara 1965.

Syarat berkanun pemajuan tanah pertanian komersil

7. (1) Adalah menjadi suatu syarat bagi tiap-tiap tanah pertanian komersil bahawa tiap-tiap tuan punya tanah atau pengusaha itu –

- (a) hendaklah mengemukakan apa-apa maklumat dan laporan aktiviti berkala yang ditetapkan;
- (b) hendaklah mengekalkan tanah pertanian itu dalam keadaan selamat dan mengikut apa-apa standard alam sekeliling yang ditetapkan;
- (c) hendaklah mematuhi penilaian kesan alam sekeliling yang diluluskan, jika penilaian sedemikian dikehendaki di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berkuat kuasa bagi negeri ini;
- (d) hendaklah mematuhi pelan yang diluluskan bagi pemulihan, jika dikehendaki di bawah Enakmen ini;
- (e) hendaklah memastikan bahawa aktiviti pertanian yang dilakukan di atas tanah bercerun mematuhi kaedah kawalan pembangunan tanah bercerun sebagaimana laporan kesesuaian tanah yang diluluskan di bawah subseksyen 9(1);
- (f) hendaklah memastikan bahawa aktiviti pertanian yang dilakukan di atas tanah itu tidak melepasi mana-mana bahagian tanah dalam lingkungan lima puluh meter dari tebing mana-mana sungai atau garisan pantai atau pinggir mana-mana tasik atau mata air.

(2) Mana-mana tuan punya atau pengusaha tanah pertanian komersil yang memungkir atau tidak mematuhi mana-mana syarat di bawah subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan.

(3) Masa hendaklah disifatkan menjadi intipati tiap-tiap syarat yang tertakluk kepada suatu tempoh yang ditetapkan yang mengenainya tuan punya tanah dikehendaki melakukan apa-apa perbuatan.

Pengemukakan laporan kesesuaian tanah untuk aktiviti pertanian

8. (1) Tuan punya mana-mana tanah pertanian komersil, dalam tempoh enam bulan dari tarikh yang relevan, hendaklah mengemukakan suatu laporan kesesuaian tanah untuk aktiviti pertanian di atas tanah yang berkenaan kepada Pentadbir Tanah.

(2) Semua tanah pertanian komersil yang telah berkuat kuasa ke atasnya tarikh yang relevan sebelum permulaan Enakmen ini hendaklah menjadi tertakluk kepada syarat untuk mengemukakan laporan kesesuaian tanah seperti yang dikehendaki di bawah subseksyen (1);

Dengan syarat bahawa laporan kesesuaian tanah itu hendaklah dikemukakan kepada Pentadbir Tanah tidak lewat dari tempoh dua belas bulan dari tarikh permulaan Enakmen ini.

(3) Laporan kesesuaian tanah untuk aktiviti pertanian yang dikehendaki di bawah subseksyen (1) hendaklah termasuk –

- (a) kedudukan dan keluasan tanah yang sesuai ditanam dengan tanaman yang dicadangkan;
- (b) kaedah penanaman yang sesuai mengikut kesesuaian tanah dan bentuk muka bumi;
- (c) suatu jadual penyediaan tanah termasuk kerja pembersihan dan penyemaian;
- (d) tarikh keseluruhan tanah selesai ditanam;
- (e) tarikh permulaan pengeluaran hasil pertanian yang dirancangan;
- (f) suatu jadual rancangan pengeluaran tahunan hasil pertanian;

- (g) kaedah kawalan hakisan di tanah bercerun mengikut garis panduan pemajuan pertanian di tanah bercerun yang dikeluarkan oleh Jabatan Pertanian; dan
- (h) apa-apa maklumat lain yang ditetapkan atau diminta oleh Pentadbir Tanah.

(4) Kegagalan tuan punya tanah mengemukakan laporan yang disyaratkan dalam seksyen ini, dalam tempoh yang ditetapkan dalam subseksyen (1) adalah melakukan kesalahan.

Kuasa Pentadbir Tanah

9. (1) Pentadbir Tanah setelah menerima laporan di bawah seksyen 8, hendaklah merujuk kepada badan yang kompeten bagi mendapatkan pengesyoran sama ada untuk menolak atau menerimanya.

(2) Selaras dengan peruntukan perenggan 115(1)(c) Kanun Tanah Negara 1965, jika Pentadbir Tanah mendapati bahawa laporan kesesuaian tanah untuk aktiviti pertanian yang disediakan di bawah seksyen 8 mendapati bahawa bahagian-bahagian tertentu tanah itu tidak sesuai ditanam dengan apa-apa jenis tanaman, hendaklah mengarahkan supaya dalam tempoh tertentu ia diserahkan semula kepada Pihak Berkuasa Negeri.

(3) Kegagalan tuan punya tanah mengambil tindakan sebagaimana subseksyen (2), maka tanah itu hendaklah menjadi tertanggung untuk pelucuthakan kepada Pihak Berkuasa Negeri menurut subseksyen 127(1) Kanun Tanah Negara 1965.

Pemajuan tanah pertanian hendaklah dibuat mengikut kaedah penanaman yang sempurna

10. (1) Mana-mana tanah pertanian komersil hendaklah ditanam mengikut kaedah-kaedah penanaman yang sempurna sebagaimana laporan yang diluluskan di bawah subseksyen 8(1).

(2) Mana-mana orang yang tidak mematuhi peruntukan di bawah subseksyen (1) adalah melakukan kesalahan.

(3) Sabitan di bawah seksyen ini tidaklah ditafsirkan sebagai satu penepian kepada apa-apa pelanggaran syarat tanah di bawah Kanun Tanah Negara 1965.

Kumpulan Wang Pemajuan Pertanian

11. (1) Pihak Berkuasa Negeri hendaklah menubuhkan suatu kumpulan wang yang dikenali sebagai “Kumpulan Wang Pemajuan Pertanian” (selepas ini dikenali “Kumpulan Wang”).

(2) Kumpulan Wang itu hendaklah terdiri daripada –

- (a) apa – apa jumlah wang yang diperuntukkan dari semasa ke semasa oleh kerajaan;
- (b) segala derma dan sumbangan yang diterima dari dalam atau luar Malaysia; dan
- (c) segala wang yang dibayar atau diterima di bawah Enakmen ini.

(3) Pihak Berkuasa Negeri boleh jika difikirkannya sesuai mengarahkan bahawa, kecuali dalam keadaan tertentu sebagaimana yang dinyatakan dalam arahan, Pentadbir Tanah hendaklah menghendaki tuan punya atau pengusaha tanah pertanian komersil untuk membayar kepadanya sejumlah wang yang difikirkannya munasabah bagi maksud ses pemajuan pertanian.

Hak tanah berjiran

12. (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Enakmen ini, mana-mana tuan punya tanah dalam Kawasan Pemajuan Pertanian berhak kepada pergantungan atas tanah dalam keadaan aslinya oleh mana-mana tanah di sebelahnya.

(2) Mana-mana tuan punya atau pengusaha tanah itu hendaklah memastikan segala aktiviti pertanian di atas tanah itu tidak memberi kesan atau mengakibatkan apa-apa kerugian, dan kerosakan atau gangguan pada tanah dan harta, di atas tanah di sebelahnya.

(3) Tuan punya atau pengusaha tanah yang dinyatakan dalam subseksyen (1) hendaklah membayar pampasan kepada –

- (a) berhubungan dengan tanah beri milik atau tanah pendudukan, tuan punya tanah itu;
- (b) berhubungan dengan tanah kerajaan atau tanah rizab atau kawasan hutan simpan, Pihak Berkuasa Negeri;

bagi apa-apa kerugian, kerosakan atau gangguan pada tanah dan harta.

Pemindahan hasil pertanian dari tanah pertanian komersil, dll., hendaklah di bawah permit

13. (1) Mana-mana tuan punya tanah atau pengusaha, mengikut mana yang wajar, bagi tanah pertanian komersil yang berniat memindahkan mana-mana hasil pertanian, hendaklah terlebih dahulu melaporkan kepada Pentadbir Tanah dan Pentadbir Tanah jika mendapati ianya patut dan tertakluk kepada apa-apa fi yang ditetapkan, bolehlah mengeluarkan permit bagi pemindahan tersebut.

(2) Kecuali setakat mana yang ditetapkan sebaliknya, tiap-tiap permit yang dikeluarkan di bawah seksyen ini hendaklah dikeluarkan untuk satu tempoh yang tamat tidak lewat daripada penghujung tahun kalendar dalam mana ia bermula dan hendaklah terhenti manakala tamatnya tempoh itu walaupun jumlah keseluruhan yang dinyatakan dalamnya belum habis dipindah.

(3) Tiap-tiap permit yang dikeluarkan di bawah seksyen ini hendaklah mempunyai kesan tertakluk kepada apa-apa peruntukan sebagaimana yang terkandung di dalamnya dan, setakat mana yang tidak bercanggah dengannya, kepada apa-apa peruntukan lain yang mungkin ditetapkan.

(4) Tiap-tiap permit yang dikeluarkan di bawah seksyen ini hendaklah dalam bentuk yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

(5) Mana-mana hasil pertanian yang dipindahkan tanpa suatu permit yang dikeluarkan di bawah seksyen ini adalah merupakan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan –

- (a) jika orang itu ialah orang perseorangan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya;
- (b) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi seratus ribu ringgit

Pusat Pengumpulan Setempat Hasil Pertanian

14. Pihak Berkuasa Negeri boleh menetapkan mana-mana tempat sebagai Pusat Pengumpulan Setempat Hasil Pertanian bagi tujuan pemasaran hasil pertanian dalam negeri.

Permit tidak boleh dipindah milik atau diserahkan hak

15. Kecuali setakat mana yang ditetapkan sebaliknya, apa-apa permit yang dikeluarkan di bawah Bahagian ini tidak boleh dipindah milik atau diserahkan hak dan tiap-tiap hendaklah tamat atas kematian orang atau perubaran perbadanan yang pada masa itu adalah pemegang lesen tersebut.

BAHAGIAN III KUASA YANG BERHUBUNGAN DENGAN PENGUATKUASAAN, PENYIASATAN, DSB

Pelantikan pegawai diberi kuasa

16. Setiausaha Kerajaan boleh secara bertulis melantik mana-mana pegawai awam sebagai pegawai yang diberi kuasa untuk menjalankan kuasa penguatkuasaan di bawah Enakmen ini.

Kuasa Penyiasatan

17. (1) Seorang pegawai yang diberi kuasa hendaklah mempunyai semua kuasa yang perlu untuk melaksanakan suatu penyiasatan di bawah Enakmen ini atau apa-apa perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Enakmen ini.

(2) Dalam mana-mana hal yang berhubungan dengan pelakuan suatu kesalahan di bawah Enakmen ini atau apa-apa perundangan subsidiari, mana-mana pegawai yang diberi kuasa yang menjalankan penyiasatan boleh menjalankan segala atau mana-mana kuasa berhubungan dengan penyiasatan polis, yang diberikan oleh Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593].

(3) Seksyen ini tidak boleh dianggap sebagai mengehadkan atau memberi kesan kepada mana-mana kuasa yang serupa yang diberikan kepada mana-mana orang di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain.

Kad kuasa

18. (1) Hendaklah dikeluarkan kepada setiap pegawai yang diberi kuasa di bawah seksyen 16, suatu kad kuasa yang hendaklah ditandatangani oleh Setiausaha Kerajaan.

(2) Bilamana seseorang pegawai yang diberi kuasa menjalankan mana-mana kuasa di bawah Enakmen ini, dia hendaklah, apabila diminta, mengemukakan kepada orang yang terhadapnya kuasa itu sedang dijalankan kad kuasa yang dikeluarkan kepadanya di bawah subseksyen (1).

Perkara-perkara yang berkaitan dengan siasatan

19. (1) Seseorang pegawai diberi kuasa yang membuat penyiasatan di bawah Enakmen ini, boleh –

- (a) memerintahkan mana-mana orang supaya hadir di hadapannya bagi maksud diperiksa secara lisan berhubungan dengan apa-apa perkara yang mungkin dapat, pada pendapatnya, membantu dalam penyiasatan kesalahan itu; dan
- (b) memerintahkan mana-mana orang supaya mengemukakan di hadapannya apa-apa buku, dokumen, rekod, akaun atau data komputer, atau apa-apa salinan diperakunya, atau apa-apa benda lain yang mungkin dapat, pada pendapatnya, membantu dalam penyiasatan kesalahan itu, dalam tempoh masa yang dinyatakan oleh pegawai itu.

(2) Jika mana-mana orang enggan hadir sebagaimana yang dikehendaki oleh suatu perintah yang dibuat di bawah perenggan (1) (a), pegawai diberi kuasa itu boleh melaporkan keengganannya itu kepada Majistret yang hendaklah mengeluarkan suatu perintah untuk memastikan kehadiran orang itu sebagaimana yang dikehendaki oleh perintah itu.

(3) Seseorang yang telah diberi suatu perintah di bawah perenggan (1)(b) tidak boleh menyembunyikan, memusnahkan, mengubah atau membuat urusan tentang, menggunakan atau melupuskan, apa-apa buku, dokumen, rekod, akaun atau data komputer, atau mengubah atau mencatatkan apa-apa catatan dalam mana-mana buku, dokumen, rekod, akaun atau data komputer itu, atau menyebabkan perbuatan itu dilakukan, atau membantu, atau berkomplot untuk melakukan perbuatan itu.

(4) Seseorang pegawai diberi kuasa yang membuat penyiasatan di bawah Enakmen ini boleh memeriksa secara lisan mana-mana orang yang dikatakan mempunyai pengetahuan tentang fakta dan hal keadaan kes itu dan hendaklah mengubah apa-apa pernyataan yang dibuat oleh orang yang diperiksa itu ke dalam bentuk bertulis.

(5) Orang itu adalah terikat untuk menjawab semua soalan yang berhubungan dengan kes itu yang dikemukakan kepadanya oleh pegawai diberi kuasa, tetapi dia boleh enggan menjawab apa-apa soalan yang jawapannya berkecenderungan mendedahkan orang itu kepada suatu pertuduhan jenayah atau penalti atau pelucuthakan.

(6) Seseorang yang membuat pernyataan di bawah seksyen ini adalah terikat di sisi undang-undang untuk menyatakan yang benar, sama ada atau tidak pernyataan itu dibuat keseluruhannya atau sebahagiannya bagi menjawab soalan-soalan itu.

(7) Seseorang pegawai diberi kuasa yang memeriksa seseorang di bawah subseksyen (4) hendaklah terlebih dahulu memaklumkan orang itu mengenai peruntukan subseksyen (5) dan (6).

(8) Suatu pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang di bawah seksyen ini hendaklah, bilamana mungkin, diubah ke dalam bentuk bertulis dan ditandatangani oleh orang yang membuatnya atau dilekatkan cap ibu jarinya, mengikut mana-mana yang berkenaan, selepas —

- (a) pernyataan itu dibacakan kepadanya dalam bahasa dia membuatnya; dan
- (b) dia diberi peluang untuk membuat apa-apa pembetulan yang dia mahu.

Kebolehterimaan pernyataan sebagai keterangan

20. (1) Jika mana-mana orang dipertuduh atas suatu kesalahan di bawah Enakmen ini, apa-apa pernyataan, sama ada pernyataan itu merupakan suatu pengakuan atau tidak atau sama ada pernyataan itu dibuat secara lisan atau bertulis, yang dibuat pada bila-bila masa, sama ada sebelum atau selepas orang itu dipertuduh dan sama ada dalam perjalanan suatu penyiasatan di bawah Enakmen ini atau tidak dan sama ada atau tidak secara keseluruhannya atau sebahagiannya sebagai jawapan kepada soalan, oleh orang itu kepada atau dengan didengar seorang pegawai diberi kuasa dan sama ada diterjemahkan kepadanya atau tidak oleh seorang pegawai lain atau orang lain, boleh diterima sebagai keterangan dalam perbicaraannya dan, jika orang yang dipertuduh itu mengemukakan dirinya sebagai saksi, mana-mana pernyataan sedemikian boleh digunakan semasa pemeriksaan balas dan bagi tujuan mencabar kebolehpercayaannya.

(2) Tiada keterangan di subseksyen (1) boleh dijadikan bukti atau digunakan —

- (a) jika pembuatan pernyataan itu pada hemah mahkamah telah disebabkan oleh apa-apa dorongan, ugutan atau janji oleh apa-apa dorongan, ugutan atau janji yang berkaitan dengan pertuduhan terhadap orang itu yang datang daripada seseorang yang berkuasa dan cukup pada pendapat mahkamah untuk memberi orang yang dipertuduh itu alasan yang pada pandangannya munasabah untuk mengandaikan bahawa dengan membuat pernyataan itu dia akan mendapat apa-apa kelebihan atau mengelakkan apa-apa kemudaratan yang bersifat duniawi berkenaan dengan prosiding terhadapnya; dan

- (b) dalam hal suatu pernyataan yang dibuat oleh orang itu selepas penangkapannya, melainkan jika mahkamah berpuas hati bahawa dia telah diberi amaran dengan perkataan yang berikut atau perkataan yang mempunyai maksud yang sama:

“Menjadi tugas saya untuk memberikan amaran kepada anda bahawa anda tidak berkewajipan untuk menyatakan apa-apa atau untuk menjawab apa-apa soalan, tetapi apa-apa yang anda nyatakan, sama ada sebagai jawapan kepada suatu soalan atau tidak, boleh diberikan sebagai keterangan”.

(3) Suatu pernyataan yang dibuat oleh seseorang sebelum ada kesempatan untuk memberikan amaran kepadanya tidaklah boleh menjadikan pernyataan itu tidak boleh diterima sebagai keterangan hanya semata-mata kerana orang itu tidak diberi amaran jika dia diberi amaran secepat yang mungkin selepas itu.

BAHAGIAN IV

AM

Kuasa untuk membuat peraturan

21. (1) Pihak Berkuasa Negeri boleh membuat peraturan-peraturan yang perlu atau suai manfaat bagi memberikan kuat kuasa sepenuhnya kepada peruntukan-peruntukan Enakmen.

(2) Dan tanpa menjejaskan keluasan makna yang tersebut di atas, peraturan-peraturan itu boleh—

- (a) menetapkan fungsi, kewajipan dan kuasa Pentadbir Tanah atau seseorang pegawai diberi kuasa;
- (b) menetapkan tanda atau label yang akan dicapkan atau dilekatkan oleh pengusaha pada bekas-bekas hasil pertanian untuk menunjukkan kualiti, gred atau harga hasil pertanian itu;

- (c) membuat peruntukan berhubung dengan pelesenan pemborong, peruncit, pengilang hasil pertanian, memindah keluar dan menetapkan fi lesen yang dikehendaki di bawah Enakmen ini;
- (d) menetapkan apa-apa fi atau caj lain sebagaimana yang perlu bagi maksud Enakmen ini;
- (e) menetapkan apa-apa perbuatan atau peninggalan yang melanggar dengan peruntukan mana-mana peraturan sebagai suatu kesalahan; dan
- (f) menetapkan apa-apa hal lain secara amnya untuk memberikan kuatkuasa kepada peruntukan-peruntukan Enakmen ini.

Perwakilan kuasa Pihak Berkuasa Negeri kepada Setiausaha Kerajaan Negeri, dll.

22. Pihak Berkuasa Negeri boleh melalui pemberitahuan dalam *warta* mewakilkan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri atau lain-lain pegawai awam yang dilantik di bawah subseksyen 12(1) Kanun Tanah Negara 1965, untuk menjalankan atau melaksanakan apa-apa kuasa atau kewajipan yang diberikan atau dikenakan kepada Pihak Berkuasa Negeri oleh atau di bawah Enakmen ini, tertakluk kepada apa-apa syarat dan sekatan yang ditetapkan dalam pemberitahuan itu.

Dengan syarat bahawa –

- (a) seksyen ini tidaklah terpakai kepada apa-apa kuasa Pihak Berkuasa Negeri di bawah Enakmen ini untuk membuat kaedah-kaedah;
- (b) pemberian suatu pemberitahuan di bawah seksyen ini mengenai apa-apa kuasa dan kewajipan tidaklah menghalang Pihak Berkuasa Negeri dari menjalankan kuasa itu atau melaksanakan kewajipan itu dengan sendirinya dalam apa-apa kes di mana ia didapati oleh Pihak Berkuasa Negeri adalah suai manfaat untuk berbuat demikian.

Penalti am

23. Tiap-tiap orang yang melakukan sesuatu kesalahan di bawah Enakmen ini yang baginya tiada penalti diperuntukkan dengan khusus, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Pengkompaunan kesalahan

24. (1) Pentadbir Tanah boleh, dengan keizinan secara bertulis Pendakwa Raya, mengkompaun mana-mana kesalahan di bawah Enakmen ini, dan mana-mana kesalahan yang ditetapkan sebagai kesalahan boleh kompaun, dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang itu.

(2) Sesuatu tawaran di bawah subseksyen (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan, tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan.

(3) Jumlah kompaun yang ditawarkan hendaklah tidak melebihi lima puluh peratus amaun maksimum denda bagi kesalahan itu dan dibayar dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu.

(4) Jika amaun yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu atau dalam apa-apa tempoh lanjutan yang diberikan oleh Pihak Berkuasa Negeri, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu dibuat.

(5) Jika suatu kesalahan telah dikompaun di bawah subseksyen (1), tiada pendakwaan boleh dimulakan selepas itu berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun telah dibuat.

Pemulaan dan penjalanan pendakwaan

25. (1) Tiada pendakwaan bagi atau yang berhubungan dengan apa-apa kesalahan di bawah Enakmen ini boleh dimulakan tanpa kebenaran bertulis Pendakwa Raya.

(2) Mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pendakwa Raya boleh menjalankan pendakwaan bagi apa-apa kesalahan di bawah Enakmen ini.

Perisytiharan palsu

26. Mana-mana orang yang membuat, secara lisan atau bertulis, menandatangani atau memberikan apa-apa perisytiharan, penyata, perakuan atau dokumen atau maklumat lain yang dikehendaki di bawah Enakmen ini yang tidak benar, tidak tepat atau mengelirukan dalam apa-apa butiran, adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Enakmen ini.

Diluluskan pada 29 November 2022
[SUK.(S)D.200/420/1/JLD.123(40);
PU.KN.1/G/138/JLD.2]

MOHD ZAIKA YAMANI BIN IBRAHIM
Setiausaha
Dewan Negeri Kelantan



LAWS OF THE STATE OF KELANTAN

Enactment 18

**STATE OF KELANTAN AGRICULTURAL
DEVELOPMENT ENACTMENT 2022**

Date of Royal Assent	17 January 2023
Date of publication in the <i>Gazette</i>	23 February 2023

Enactment 18

STATE OF KELANTAN AGRICULTURAL DEVELOPMENT
ENACTMENT 2022

ARRANGEMENT OF SECTIONS

PART I
PRELIMINARY

Section

1. Short title and commencement
2. Interpretation
3. Enactment to be read with other laws
4. Application

PART II
AGRICULTURE LAND DEVELOPMENT CONTROL

5. Declaration of Agricultural Development Area
